

# Kit kesan kencing tikus

» Inovasi UPM kesan bakteria *Leptospira*

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bh.com.my

► Serdang

Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan kit LeptoScan2 yang mampu mengesan penyakit kencing tikus seawal hari pertama jangkitan bakteria *Leptospira*, sekali gus muncul alat pertama seumpamanya di dunia.

Kit sedia ada termasuk di pasaran global, hanya berkesan digunakan selepas tujuh hari jangkitan kerana ia hanya berfungsi apabila antibodi terhasil pada pesakit.

**Ambil masa 15 minit**

Profesor Veterinar Bakteriologi UPM, Datuk Dr Abdul Rani Bahaman, berkata alat terbaru yang menyerupai ujian kehamilan itu berupaya mengesahkan kewujudan bakteria *Leptospira* dalam tempoh lima hingga 15 minit saja pada tujuh hari pertama jangkitan.

Katanya, pengesanan peringkat awal itu penting kerana ia fasa kritikal jangkitan apabila bakteria memasuki saluran darah menyerang organ dalaman menyebabkan pelbagai komplikasi, termasuk demam, sakit kepala dan otot, malah boleh mengakibatkan maut.

"LeptoScan2 adalah alat pertama seumpamanya yang menggunakan pendekatan mengesan kehadiran bakteria *Leptospira* melalui antibodi arnab yang dimasukkan ke dalam kit itu. Sebelum itu, an-



**Prof Abdul Rani menunjukkan kit LeptoScan2 hasil inovasi UPM, Serdang.**  
[FOTO NIK ROSLI ISHAK/BH]

tibodi arnab berkenaan terhasil selepas tujuh hari disuntik dengan bakteria terbabit.

**Antibodi bertindak balas**

"Antibodi sedia ada dalam kit itu seterusnya akan bertindak balas dengan bakteria *Leptospira* dalam titisan darah pesakit dan membuatkan dua jalur berwarna muncul pada kit sebagai pengesahan jika wujud jangkitan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Abdul Rani berkata, penghasilan kit itu yang dibangun-

kan bersama seorang lagi penyelidik UPM, Dr Arivudainambi Seenichamy, mampu membantu menangani peningkatan mendadak jangkitan penyakit kencing tikus.

Katanya, berdasarkan statistik Kementerian Kesihatan baru-baru ini, sejumlah 2,262 kes penyakit kencing tikus termasuk 22 kematian dicatatkan di negara ini bagi tempoh Januari hingga Jun lalu.

Pihak yang berminat, boleh menghubungi e-mel zakyjafar@upm.edu.my atau asrizam@upm.edu.my.